

DATE: **04 AUGUST 2016 (THURSDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – RAMAI AMAH WARGA ASING PENGHUNI WAD PSIKIATRI – PG. 05**

Ramai amah warga asing penghuni wad psikiatri

Kuala Lumpur: Kemasukan warga asing, sebahagian besar wanita pembantu rumah, ke wad psikiatri Hospital Kuala Lumpur (HKL) kerana masalah mental kronik dianggap membimbangkan.

Bagi tempoh 2014 hingga 2015, HKL merekodkan 391 kemasukan pesakit mental ke wad psikiatri atau secara purata 16 pesakit sebulan, dari 32 negara.

Daripada jumlah itu, seramai 101 pesakit mental adalah warga Indonesia, yang semuanya wanita.

Pesakit mental lelaki asing pula adalah 66 orang, majoritinya dari Myanmar. Mereka bekerja di pasar borong dan pembantu kedai di sekitar Lembah Klang.

Ada yang dikesan menghidap penyakit mental sejak berada di negara sendiri dan tidak meneruskan rawatan apabila bekerja di Malaysia, manakala yang lain menghadapi masalah mental akibat tekanan di sini.

Pesakit terbabit tidak boleh dibebaskan kerana dikhuatiri memberi risiko kepada orang lain.

Pakar Perunding Psikiatri HKL,

BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Dr Abdul Razak Othman, berkata sebahagian pesakit mental wanita warga Indonesia bekerja sebagai amah dan pengasuh yang dimasukkan ke situ akibat tekanan akibat layanan majikan, ugutan ejen pekerja asing, kos sara hidup meningkat, faktor sosial dan persekitaran.

Tekanan tidak dapat pulang

Dr Abdul Razak berkata ada pekerja asing terbabit mengalami tekanan apabila tidak dapat pulang ke kampung dalam tempoh lama yang biasanya setahun sekali.

"Dengan cabaran mendapat cuti dalam tempoh kerja yang panjang, permit dipegang majikan dan dalam masa sama menerima berita kecemasan atau masalah peribadi dari kampung menjadi punca te-

kanan mula wujud," katanya kepada BH.

Katanya, ada juga warga asing mendapat sakit mental seperti skizofrenia atau bipolar di negara mereka tetapi tidak meneruskan rawatan atau tertinggal ubat ketika tiba di negara ini menyebabkan penyakit mental berulang.

Beliau menyifatkan jumlah kemasukan pesakit mental warga asing ke wad psikiatri HKL itu sebagai lambakan.

Katanya, faktor tekanan pula wujud apabila mereka berjauhan daripada keluarga, mendapat berita keluarga jatuh sakit, hadapi masalah kewangan tetapi mereka tidak dibenarkan bercuti untuk menguruskan masalah mereka.

"Selalunya penyakit yang dialami adalah jenis kemurungan, dan masalah mereka semakin parah kerana mereka hidup terasing dan tanpa sokongan sosial komuniti mereka.

"Kesannya mereka boleh bertindak agresif dan mungkin membahayakan diri atau orang lain seperti anak majikan yang diasuh mereka," katanya.

Pesakit mental warga asing di HKL dari 2014 hingga 2015



Indonesia	101
Myanmar	66
Filipina	31
Bangladesh	24
China	18
India	23
Vietnam	15
Somalia	11
Nepal	13
Iran	6
Australia	7
Thailand	8
Arab Saudi	6
Nigeria	7
Sri Lanka	8
Pakistan	8
Yaman	4
Sudan, Russia, Palestin	3
Singapura, Turki, Norway, Oman, Guinea, New Zealand	2
Afrika, Algeria, Amerika Syarikat, Kemboja, Perancis, Arab Saudi, Sweden, Taiwan, Bahrain, Denmark, Itali, Kazakhstan, Kosovo, Senegal	1
Jumlah	391